



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA**

**PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA**

Blok C1 - C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
Faks (Fax): 603-88892181  
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/56 Jld. 6 (57)  
Tarikh : 26 Julai 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PPT) GRED N36 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2017/2018**

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, JPA sedang dalam proses **persediaan pengisian jawatan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) Gred N36 bagi tahun 2017/2018** dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat-maklumat PPT Gred N32 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:-

- 2.1 Dinaikkan pangkat sebagai PPT Gred N32 pada 28 Februari 2010 dan sebelum;
- 2.2 Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred N32 berubah ke tarikh 1 Mac 2010 dan seterusnya;
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2014, 2015 dan 2016) tidak kurang 80%;
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.8 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan. Bagi calon-calon yang telah diperaku dalam Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam pada **6 Disember 2016** dan belum ditawarkan pemangkuan ke Gred N36, perlu mengemukakan semula permohonan untuk dipertimbangkan semula.

2/...

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 30 Ogos 2017** di alamat:-

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
(u.p.: **Encik Mohd Zulkefley Bin Mohd Sabri**)

5. Dimaklumkan juga bahawa, adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 sahaja** dikemukakan ke JPA. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan)**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:-


- |     |   |   |              |
|-----|---|---|--------------|
| i.  | Puan Yusleli Binti Hj. Mohd Yunos<br>yusleli.yunos@jpa.gov.my | - | 03-8885 4351 |
| ii. | Encik Mohammad Hilmi Bin Zawawi<br>hilmi.zawawi@jpa.gov.my    | - | 03-8885 4155 |

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)**  
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**

☎ : 03-8885 4110  
✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my